

19 FEB 1997

Mahathir-Fokker

MAHATHIR KATA MALAYSIA MUNGKIN SELAMATKAN SYARIKAT PEMBUAT FOKKER

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengesahkan Malaysia sedang mengkaji cadangan kemungkinan menyelamatkan syarikat pembuat pesawat Belanda, NV Fokker yang muflis.

"Kita sedang mempertimbangkannya, sekiranya boleh dan menguntungkan, ya," katanya apabila diminta mengulas mengenai laporan Asia Wall Street Journal (AWSJ) hari ini yang mengatakan Malaysia telah muncul sebagai potensi penyelamat ke atas syarikat yang muflis itu.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada acara yang lain berkata Khazanah Holdings Bhd, lengan pelaburan kerajaan, sedang mengkaji cadangan itu dan belum lagi membuat keputusan mengenainya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata: "Perkara ini belum jadi lagi. Mungkin ia tidak akan jadi tetapi sudah tentu kita sedang mempertimbangkannya."

Perdana Menteri telah ditanya mengenai perkara itu selepas beliau dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri majlis sambutan hari raya Persyarikata Malaysia di sini.

Laporan AWSJ itu menyebut pegawai-pegawai kanak kerajaan sebagai berkata bahawa kerajaan Malaysia, melalui Khazanah, sedang mengkaji cadangan untuk menyelamatkan Fokker dengan beberapa rakan kongis antarabangsa.

Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysian mendapat tawaran itu sebelum perayaan Hari Raya Aidilfitri/Tahun Baru Cina.

Ditanya sama ada tarikh akhir diberikan untuk kerajaan Malaysia memberi jawapan, beliau berkata: "Bukanla tarikh akhir....untuk tempoh masa yang terhad, saya fikir kita akan mengkajinya."

Mengenai sama ada Proton terlibat, beliau berkata ia tidak ada sangkut paut dengan Proton.

Beliau juga berkata setakat ini tidak ada anggaran dibuat mengenai jumlah wang yang terlibat dengan cadangan itu.

Anwar pula berkata Malaysia masih berbincang mengenai ura-ura untuk menyelamatkan syarikat Fokker melalui pembabitan Khazanah.

"Belum ada komitmen yang jelas mengenai perkara itu kerana cadangan itu hanya dalam proses perbincangan," katanya kepada pemberita selepas majlis Kongsi Raya yang dianjurkan oleh empat organisasi belia di Mines Wonderland, Sungai Besi di sini, malam ini.

Majlis itu yang dipengerusikan oleh tuan rumah iaitu Pergerakan Pemuda Malaysia turut dianjurkan oleh tiga organisasi belia lain termasuk Majlis Belia Malaysia, Persatuan Usahawan Muda Malaysia dan Angkatan Belia Islam Malaysia. -- BERNAMA

MAM ZAI WAT